

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 6 TAHUN 2020**

**TARIKH : 21 OGOS 2020 (JUMAAT)**  
**MASA : 9.00 PAGI**  
**TEMPAT : DEWAN KOMPLEKS SUKAN,**  
**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**HADIR**

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.*- Pengerusi  
(Yang Dipertua)
2. Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin - Ahli Majlis  
Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*  
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya  
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
4. Encik Rosdi bin Meor Endut - Ahli Majlis
5. Encik Mat Irwan bin Ismail - Ahli Majlis
6. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
7. Encik Ang Eu Liang - Ahli Majlis
8. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
9. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis
10. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
11. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
12. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
13. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
14. Encik Munusamy a/l Erishin - Ahli Majlis
15. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
16. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
17. Encik Sethupathy a/l Subramaniam - Ahli Majlis
18. Encik Baharudin bin Misran, *P.J.K.* - Ahli Majlis
19. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
20. Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam - Ahli Majlis

- |     |  |   |                     |
|-----|--|---|---------------------|
| 21. | Encik Low Kok Hua                                  | - | Ahli Majlis         |
| 22. | Encik Miskon bin Haji Karim, <i>A.I.S., P.P.T.</i> | - | Penolong Setiausaha |

**TURUT HADIR**

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 1.  | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i>           | - | Pengarah Jabatan<br>Perbendaharaan  |
| 2.  | Tuan Haji Zailani bin Hashim, <i>P.P.T., P.K.T.</i>   | - | Pengarah Jabatan<br>Pengurusan Sisa Pepejal dan<br>Kesihatan Persekitaran |
| 3.  | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i>           | - | Pengarah Jabatan<br>Korporat dan Pembangunan<br>Masyarakat                |
| 4.  | Puan Lisawati binti Abd. Karim                        | - | Pengarah Jabatan<br>Penilaian dan Pengurusan<br>Harta                     |
| 5.  | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad                        | - | Pengarah Jabatan<br>Kawalan Bangunan                                      |
| 6.  | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap                      | - | Pengarah Jabatan<br>Landskap  |
| 7.  | Puan Nordila binti Yasir                              | - | Pengarah Jabatan<br>Pelesenan   |
| 8.  | Encik Mohd Hairul Nizam bin Salimin                   | - | Ketua Jabatan<br>Penguatkuasaan   |
| 9.  | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim                      | - | Ketua Unit OSC  |
| 10. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai<br>Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit<br>Dalam   |
| 11. | Puan Norain binti Mohamed                             | - | Ketua Unit Pesuruhjaya<br>Bangunan  |
| 12. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin                  | - | Ketua Bahagian Teknologi<br>Maklumat                                      |
| 13. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni-             |   | Ketua Unit Perolehan<br>dan Ukur Bahan                                    |
| 14. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin             | - | Ketua Pejabat Cawangan<br>Bandar Saujana Putra                            |
| 15. | Encik Mohd Khairul bin Darini, <i>P.P.T.</i>          | - | Wakil Pengarah Jabatan<br>Kejuruteraan                                    |

16. Encik Abdul Rahman bin Abdul Manap, *P.J.K.* - Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
17. Puan Hashila binti Hamzah - Wakil Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
18. Encik Mohd Khairul Anuar bin Zainois - Wakil Ketua Unit Perundangan

#### **DIJEMPUT HADIR**

1. Yang Berhormat Tuan Lau Weng San ADUN Banting - Pemerhati
2. Puan Jade Chan - Star Metro
3. Encik Hanafi - TV Selangor
4. Encik Arumugam - Malaysia Nanban

#### **URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

1. Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus - Penolong Pegawai Tadbir
2. Puan Nur Hazlynda binti Sahimi - Pembantu Setiausaha Pejabat
3. Puan Rosmawati binti Othman - Pembantu Setiausaha Pejabat
4. Encik Mohd Sahlan bin Tukiran - Pembantu Operasi

<b>PERKARA</b>	<b>TAJUK PERKARA</b>		<b>TINDAKAN</b>
<b>1.0</b>	<b>UCAPAN Pengerusi</b>		
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Ahli-ahli Majlis, Penolong Setiausaha dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut:		<b>Makluman</b>
	1.1	Mesyuarat Kajian Semula Belanjawan 2020 dan Penyediaan Anggaran Belanjawan 2021 MPKL akan diadakan pada 24 hingga 26 Ogos 2020 bertempat di Forest City Phoenix International Marina Hotel, Johor Bahru.	
<b>2.0</b>	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</b>		
	2.1	<b>MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 5 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 21 JULAI 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Nadasan a/l Subramani dan disokong oleh Encik Haridass a/l Ramasamy tanpa pindaan.	<b>Makluman</b>
<b>3.0</b>	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>		
	3.1	- TIADA -	<b>Makluman</b>

4.0	<b>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>		
	4.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BILANGAN 1 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 23 JULAI 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	4.2	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 6 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 OGOS 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	4.3	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 4 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 OGOS 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><b><u>Perkara 4.2 (m.s.4)</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu cara untuk orang awam membuat semakan terhadap aduan yang telah dibuat melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA).</p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan orang awam boleh membuat semakan status aduan yang telah dibuat dalam sistem SISPAA. Beliau juga memaklumkan tempoh masa yang ditetapkan untuk menyelesaikan sesuatu aduan adalah dalam tempoh 14 hari.</i></p> <p><i>Ketua BTM memaklumkan bahawa sistem MPKL-ADU adalah sistem aduan yang dibangunkan oleh pihak Majlis yang mana ia boleh diakses dimana-mana melalui telefon bimbit dan keutamaan aduan adalah</i></p>	<b>Makluman</b>

		<i>daripada pembayar cukai MPKL.</i>	
	<b>4.4</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 6 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 OGOS 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	<b>4.5</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 4 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 OGOS 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	<b>4.6</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 5 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 OGOS 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><b><u>Perkara 5.5.1 (m.s.10)</u></b></p> <p>Encik Ang Eu Liang ingin tahu status aduan berkenaan kilang tayar di Jalan Norton, Sungai Jarom.</p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan perkara ini telah dipanjangkan kepada pihak PTD dan hasil semakan mendapati permohonan menggunakan alamat yang sama dan lesen yang dikeluarkan adalah di bawah Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran yang akan tamat pada bulan Disember 2020.</i></p>	<b>Makluman</b>
	ii.	<p>Encik Wong Kim Loon memaklumkan berkenaan pencemaran bau dari tapak pelupusan sampah Tanjung Dua Belas. Perkara ini telah dua tahun berlaku dan difahamkan kapasiti sampah di tapak pelupusan tersebut melebihi 2,000 tan sehari.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan penggunaan insinerator sisa merupakan satu pilihan yang terbaik untuk mengatasi masalah ini tetapi ia melibatkan</i></p>	<b>Makluman</b>

		<p><i>peruntukan yang tinggi.</i></p> <p><i>Puan Nor Aishah memaklumkan salah satu punca pencemaran bau adalah daripada sisa makanan. Beliau memaklumkan terdapat satu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang menguruskan sampah sisa makanan di kawasan MBSA. Pihak mereka akan mengutip sisa makanan di beberapa lokasi dan sisa makanan ini akan diproses untuk dijadikan baja kompos dan sebagainya. Satu taklimat akan diadakan pada bulan September 2020 bertempat di Taman Damai.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi mencadangkan pihak NGO tersebut dijemput memberikan taklimat dalam Jawatankuasa Pengindahan Bandar akan datang.</i></p>	
	<b>4.7</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 6 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 OGOS 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><b><u>Perkara 4.8 (m.s.5)</u></b></p> <p>Encik Mat Irwan memaklumkan prestasi kontraktor pembersihan longkang kurang memberangsangkan. Beliau berharap pihak jabatan dapat membuat pemantauan berkenaan perkara ini.</p>	<b>Makluman</b>
	ii.	<p><b><u>Perkara 5.2.4 (m.s.6)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan masalah tanaman kontan turut berlaku di padang Jalan Mentari, Bandar Mahkota (sebelah balairaya).</p>	<b>JL</b>
	iii.	<p><b><u>Perkara 5.3.5 (m.s.9)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan berkenaan bungkus sampah yang dicampak oleh orang awam hingga masuk ke dalam longkang dan kebun persendirian. Beliau mencadangkan pihak Majlis menubuhkan satu pasukan untuk membuat</p>	<b>Makluman</b>

		<p>pemantauan atau pihak PRO memasukkan artikel berunsur pendidikan dalam laman web MPKL.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan tidak perlu menubuhkan pasukan pemantau. Banyak medium boleh digunakan antaranya meminta bantuan daripada pihak PAID untuk memasukkan perkara ini dalam khutbah Jumaat. Untuk bukan Islam pula, boleh dapatkan kerjasama daripada persatuan agama atau ketua rumah ibadat masing-masing.</i></p>	
	iv.	<p><b><u>Perkara 5.3.6 (m.s.9)</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong mencadangkan pemasangan CCTV di tiang TNB yang terletak di kawasan 'hot spot' sampah haram.</p> <p><i>Tuan Pengerusi meminta pihak JPSPKP mengaturkan satu mesyuarat bersama pihak TNB, Telekom dan JKR berhubung cadangan ini.</i></p> <p><i>Berkenaan sampah di kampung tradisi, Encik Rosdi memaklumkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tempoh hari, beliau mendapati sampah di zon beliau agak berkurangan kerana aktiviti komersial tidak dibenarkan pada waktu itu. Pada pendapat beliau, tong-tong sampah tersebut telah disalah guna oleh peniaga yang menjalankan aktiviti komersial.</i></p> <p><i>Encik Lim Tou Yih mencadangkan setiap pemilik rumah diwajibkan menyediakan tong sampah di hadapan rumah mereka.</i></p>	<b>JPSPKP</b>
	4.8	<p><b>MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 5 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 OGOS 2020</b></p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:</p>	



	i.	<b><u>Perkara 5.2.1 (m.s.6)</u></b> Encik Mat Irwan memaklumkan oleh kerana kapasiti kenderaan yang melalui Jalan Klang Banting terlalu tinggi, dicadangkan pihak JKR memikirkan jalan alternatif lain untuk dinaiktaraf selain Jalan Sukepi. Sebagai contoh, jalan di hadapan gudang Nestle yang terletak di sempadan Kuala Langat dan Klang.	<b>Makluman</b>
	ii.	<b><u>Perkara 5.2.13 (m.s.10)</u></b> Encik Gan Yee Chin mohon panjangkan pada pihak JKR berkenaan Jalan Seri Gambut (sebelah Petronas Olak Lempit) yang terlalu teruk.	<b>JK</b>
<b>5.0</b>	<b>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>		
	<b>5.1</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 8 TAHUN 2020 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 JULAI 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>
	<b>5.2</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 9 TAHUN 2020 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 24 JULAI 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>
<b>6.0</b>	<b>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>		

6.1	<p><b><u>KERTAS MESYUARAT NO.1</u></b></p> <p><b>KERTAS PEMAKLUMAN PINDAAN KEANGGOTAAN AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT DI DALAM JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BAGI PENGGAL 2018-2020</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u><i>Pindaan Keanggotaan Dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat</i></u></p> <p>Sehubungan dengan itu, Ahli Majlis yang telah dilantik akan menganggotai Jawatankuasa-Jawatankuasa Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat sehingga 31 Disember 2020 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Encik Razali bin Ahmad daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Encik Sethupathy a/l Subramaniam daripada Parti Amanah Negara (PAN) akan menganggotai Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat.</li> </ul> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju <b>meluluskan</b> kertas mesyuarat ini.</p>	JKP
6.2	<p><b><u>KERTAS MESYUARAT NO.2</u></b></p> <p><b>CADANGAN PELAKSANAAN PENGGUNAAN APLIKASI 'SITE IMAGE REPORTING SYSTEMS' (eSITE VIEW) DI MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u><i>Cadangan Pelaksanaan Penggunaan:</i></u></p> <p>Cadangan penggunaan dan manfaat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memproses <i>Real Time Image</i> pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak kerja.</li> <li>- Mudah digunakan dan mudah difahami.</li> <li>- Menyediakan laporan terus berdasarkan keadaan semasa tapak pada keadaan tapak, masa dan koordinat lokasi dengan tepat.</li> <li>- Menjimatkan masa dan wang dengan tidak</li> </ul>	JL

		<p>memerlukan kakitangan memantau terus di tapak pada setiap hari serta pengurangan penggunaan kertas (paperless) untuk membuat laporan.</p> <p><u>Kaedah Pelaksanaan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan aplikasi ini akan dimulakan oleh kontraktor yang dilantik di bawah Jabatan Landskap, MPKL terlebih dahulu untuk mendapatkan keberkesanan aplikasi ini sebelum diikuti oleh jabatan yang lain.</li> <li>- Bayaran aplikasi ini adalah ditanggung oleh kontraktor yang dilantik dengan bayaran RM250/sebulan.</li> </ul> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju <b>meluluskan</b> kertas mesyuarat ini. Tuan Pengerusi memohon sistem ini dibuka kepada semua Ahli Majlis bagi tujuan pemantauan di zon masing-masing.</p>	
6.3		<p><b><u>KERTAS MESYUARAT NO.3</u></b></p> <p><b>PENGESAHAN SENARAI NILAIAN BARU DAN KADAR CUKAI BARU BAGI PEGANGAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BERKUATKUASA TAHUN 2021</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><b><u>LATAR BELAKANG</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan perluasan kawasan pentadbiran MPKL melalui pelan warta no 1442 bertarikh 26/10/2006. Keluasan Daerah Kuala Langat adalah 85,770 hektar termasuk 3 batu nautika dari tikas air surut. Kawasan mukim yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran MPKL adalah Mukim Bandar, Mukim Batu, Mukim Jugra, Mukim Tanjong Dua Belas, Mukim Kelanang, Mukim Morib, dan Mukim Telok Panglima Garang.</li> <li>ii. Jumlah pegangan yang dikenakan dengan</li> </ul>	JPPH

kadar dari tahun 1987 adalah sebanyak 7,208 unit manakala sehingga 1hb Julai 2020 pegangan tersebut bertambah kepada 90,530 unit. **(Pertambahan sebanyak 83,322 unit pegangan)**

- iii. Pertambahan pegangan dan bilangan harta adalah disebabkan oleh bertambahnya pembangunan baru yang dahulunya adalah tanah kosong dan belum dikuatkuasakan cukai serta perluasan kawasan pentadbiran MPKL melalui pelan warta no 1442 bertarikh 26/10/2006. Berikut adalah pecahan jumlah cukai taksiran mengikut jenis pegangan:

Bil	Jenis	Jumlah Pegangan	Nilai Tahunan (RM)	Cukai Taksiran (RM)
1.	Kediaman	75,325	199,957,308	15,329,352.80
2.	Perniagaan	7,261	108,345,886	7,651,508.08
3.	Perindustrian	2,107	121,787,523	14,337,328.85
4.	Pertanian	5,837	86,053,408	860,534.08
<b>Jumlah</b>		<b>90,530</b>	<b>516,144,119</b>	<b>38,178,723.81</b>

**Jadual 1: Jumlah Cukai Taksiran mengikut jenis pegangan**

- iv. MPKL telah membuat beberapa kali permohonan untuk menyemak semula **Senarai Nilai Sedia Ada (aras nilai 1987)** untuk digantikan dengan **Senarai Nilai Baru** namun begitu gagal menguatkusakannya. Berikut adalah kronologi permohonan-permohonan yang telah dibuat terdahulu:

Tarikh Kuatkuasa Nilai Baru Di MDKL	Keputusan Kelulusan
1.1.1987	Diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan telah diwarta serta digunapakai sehingga

			sekarang.	
		1.1.2001	Diluluskan sepertimana dimaklumkan di dalam surat dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ((6)dlm.IPK.Sel 60190/9). Dicadangkan untuk dikuatkuasakan pada 1hb Januari 2001 dan kemudian di tangguhkan oleh Kerajaan Negeri kerana faktor kegawatan ekonomi.	
		1.7.2005	Kerajaan Negeri meluluskan kenaikan kadar di antara 0.5% - 1.0% berkuatkuasa 1hb Julai 2005 di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor	
		<p align="center"><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju <b>meluluskan</b> kertas mesyuarat ini.</p>		
<b>7.0</b>	<b>UCAPAN PENANGGUHAN</b>			
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam,			
	i.	<p>Beliau mengucapkan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan, Urus setia Mesyuarat dan pihak Media.</p> <p>Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini.</p>		<b>Makluman</b>

	ii.	Beliau melahirkan rasa kesyukuran kerana dilantik sebagai Ahli Majlis serta mengucapkan terima kasih kepada YB. Ahli Parlimen Kuala Langat, Dato' Dr. Xavier Jayakumar kerana memberi peluang dan kepercayaan kepada beliau untuk melaksanakan amanah ini demi daerah Kuala Langat.	
	iii.	Beliau juga mengalu-alukan kedatangan YBhg. Dato' Amirul Azizan sebagai Yang Dipertua MDKL. Beliau percaya dengan kebijaksanaan Dato' YDP, MPKL akan menjadi satu daerah yang dicontohi oleh PBT yang lain dan Ahli-Ahli Majlis akan memberikan sokongan serta kerjasama demi meningkatkan taraf MPKL dan kemudahan yang diperlukan oleh penduduk di daerah Kuala Langat.	
	iv.	Baru-baru ini, seluruh dunia dikejutkan dengan penularan wabak Covid-19 yang telah meragut banyak nyawa tidak kira bangsa, agama dan negara. Malaysia merupakan salah satu negara yang berjaya mengawal wabak ini dalam tempoh masa yang singkat. Semua ini adalah hasil usaha bersama baik di peringkat kerajaan dan rakyat jelata. Beliau sebagai Ahli Majlis merasa bangga dan berterima kasih kepada semua ' <i>frontliners</i> ' kerana telah berjaya mengendalikan wabak ini di daerah Kuala Langat. Tidak ketinggalan pihak Majlis yang terdiri daripada Pengarah Jabatan, Pegawai dan Kakitangan yang bersungguh-sungguh menjalankan tugas tanpa mengira masa serta Jabatan Penguatkuasaan yang menjalankan tanggungjawab membuat pemeriksaan pematuhan SOP di premis-premis perniagaan di daerah ini. Tanggungjawab dan kerelaan untuk menjalankan tugas masing-masing walaupun dari rumah amatlah disanjung tinggi. Setiap kali Ahli Majlis menghubungi Pengarah dan Pegawai MPKL, setiap bantuan dihulurkan tanpa sebarang keluhan dan penolakan. Syabas dan tahniah beliau ucapkan kepada warga kerja MPKL.	<b>Makluman</b>

	v.	<p>Beliau ingin menarik perhatian berkenaan isu yang berlaku di zon 10 serta beberapa cadangan kepada pihak Majlis. Pertama, mohon pihak Majlis panjangkan isu ini kepada pihak JKR berkenaan jalan utama ke Kampung Sri Cheeding. Kawasan tersebut masih kawasan perkampungan dan tiada cadangan untuk dinaiktaraf walaupun kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu pagi dan petang semakin meningkat kerana jalan tersebut menjadi jalan alternatif ke Rimbayu dan Bandar Saujana Putra. Ini menimbulkan kerisauan kepada penduduk di kawasan taman dan kampung kerana banyak kemalangan telah berlaku. Beliau juga pernah membangkitkan isu ini beberapa kali di dalam mesyuarat. Kedua, masalah kenderaan berat membuat pusingan U di kawasan taman telah menyebabkan kerosakan jalan. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan agar pihak JKR menambah baik jalan utama dan memasang papan tanda keselamatan di kawasan tersebut.</p>	
	vi.	<p>Berkenaan cadangan kemudahan untuk kampung-kampung tradisi, beliau faham ia adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah/Daerah Kuala Langat. Namun begitu, pihak Majlis telah mula mengenakan cukai taksiran di kawasan perkampungan. Walaupun pihak Kerajaan Negeri telah mengecualikan bayaran cukai taksiran pada tahun ini, beliau menyeru agar servis dan kemudahan diberikan di kampung-kampung tradisi selepas bayaran cukai taksiran dikenakan. Ini dapat meningkatkan tahap kebersihan di kawasan kampung, mengurangkan masalah pembuangan sampah berlebihan yang sering kali berlaku di kawasan pinggir dan pendalaman, penyediaan tong sampah yang lebih banyak serta kutipan sampah mengikut jadual boleh mengurangkan masalah sampah berlebihan. Beliau berharap penduduk kampung tidak ketinggalan untuk menikmati kemudahan yang disediakan oleh pihak Majlis dan mempertimbangkan kemudahan kepada mereka di masa hadapan.</p>	<b>Makluman</b>

	vii.	Daerah Kuala Langat merupakan sebuah daerah bersejarah dan kaya dengan sumber alam sekitar. Antaranya Istana Bandar di Jugra, Pantai Morib, Pantai Kelanang, Kampung Orang Asal dan Bukit Jugra. Beliau bersetuju dengan pandangan Dato' YDP walaupun MPKL telah dinaiktaraf ke perbandaran, perlu kekalkan keunikan dan budaya di daerah ini. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan pihak Majlis memberi perhatian dan meningkatkan sumber alam sekitar sebagai sumber pelancongan. Makanan tradisi juga boleh menarik pelancong warga asing untuk datang ke daerah ini. Beliau mencadangkan pihak Majlis membuat hebahan tempat bersejarah di media sosial dan 'billboard' digital sedia ada di mana ia akan meningkatkan hasil pendapatan MPKL di masa hadapan.	
	viii.	Beliau mewakili Ahli-Ahli Majlis yang lain memohon agar pihak Majlis menimbang semula kenaikan elaun mesyuarat Ahli Majlis dari RM100 kepada RM150 serta pemberian elaun telefon kepada Ahli Majlis seperti yang dilaksanakan di Majlis Perbandaran Sepang.	
	ix.	Akhir kata, beliau mengucapkan terima kasih kepada warga kerja MPKL kerana memberikan kerjasama kepada beliau dalam menjalankan tugas sebagai seorang Ahli Majlis. Beliau juga mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan dan mengakhiri ucapan beliau dengan serangkap pantun, <p style="text-align: center;">Jika ada jarum yang patah,  Jangan disimpan di dalam peti,  Jika ada silap dan salah,  Jangan disimpan di dalam hati.</p>	<b>Makluman</b>
<b>8.0</b>		<b>UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi</b>	
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Beliau juga berharap semua perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini dapat diambil tindakan oleh jabatan yang berkaitan.	<b>Makluman</b>



Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,  
Bahagian Pentadbiran,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

*Tarikh : 25 Ogos 2020*

Disemak oleh :

.....  
**(MISKON BIN HAJI KARIM, A.I.S., P.P.T.)**  
Penolong Setiausaha,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....  
**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)**  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh .....  
dan disokong oleh .....

**PETUNJUK :**

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

- 12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
- 13. UU - UNIT PERUNDANGAN
- 14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
- 15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
- 16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
- 17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

*lynda/mesyuarat mpkl 6/2020*